

lokal

Kecoh pula budak bawa treler

Laporan polis sudah diterima berkaitan aksi babit budak lelaki bawah umur di Rantau



KANAK-KANAK bawah umur yang aksinya pandu treler tular di aplikasi WhatsApp.



TRELER yang dipandu kanak-kanak terbabit.

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Selepas heboh seorang bapa membenarkan anak lelakinya berusia sembilan tahun memandu kereta Proton Saga di Kampung Bongek, Rembau, tular pula insiden sama, apabila menyaksikan seorang ka-

nak-kanak memandu sebuah treler.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohd Said Ibrahim berkata, hasil semakan pihaknya mendapati kejadian berkenaan berlaku di Rantau, dekat sini.

"Kejadian berlaku pada jam 4.41 petang pada 7 September. Rakaman video itu tular melalui aplikasi What-

sApp yang berdurasi 1.18 minit memaparkan seorang kanak-kanak di bawah umur dirakam sedang memandu sebuah lori treler Hino.

"Kejadian berlaku di kawasan Rantau, Seremban dan laporan polis sudah diterima berkait video yang tular itu kerana bapa kanak-kanak terbabit dengan cuai membiarkan anak bawah umur memandu lori

Bapa direman dua hari bantu siasatan

Seremban: Bapa kepada kanak-kanak lelaki yang tular di aplikasi WhatsApp kerana membenarkan anaknya berusia 11 tahun memandu treler ditahan reman selama dua hari bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohd Said Ibrahim berkata, lelaki berusia 39 tahun itu direman bermula semalam selepas ditahan polis di Rantau pada 7 September lalu.

"Hasil siasatan awal mendapati kanak-kanak itu berusia 11 tahun

memandu treler dan polis sudah menahan bapanya mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Dalam laporan sebelum ini, Mohd Said dilaporkan berkata, rakaman video itu tular di aplikasi WhatsApp mengenai seorang kanak-kanak memandu sebuah treler yang berlaku di Rantau, dekat sini.

Katanya, kejadian berlaku jam 4.41 petang menerusi video berdurasi 1.18 minit memaparkan kanak-kanak di bawah umur dirakam sedang memandu sebuah lori treler jenis Hino.

Lelaki berusia 39 tahun ditahan semalam bagi membantu siasatan

treler.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Sebelum ini, tular video berdurasi 53 saat di Facebook (FB) bertajuk 'Handa

orang Rombau haa', yang memaparkan seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun memandu Proton Saga.

Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Superintendan

Anuar Bakri Abdul Salam, dalam kenyataannya berkata bapa kepada kanak-kanak berkenaan sudah dikenakan tindakan saman mengikut Seksyen 111 Akta Pengangkutan Jalan 1987.



POSTER papar gambar Noorazmir bersama Ustaz Kazim.

Jangan percaya, itu bukan kerja saya'

Kuala Lumpur: "Saya sudah tidak larat untuk nafi berkali-kali, namun masih ada yang percaya sehingga tuduh saya yang buat poster palsu itu dan mempergunakan tokoh seperti Ustaz Kazim (Datuk Mohd Kazim Elias)," kata Noorazmir Zakaria mengenai gambarnya digunakan pihak tertentu bagi mempromosikan skim pelaburan di media sosial. Noorazmir berkata, dia me-

nyadari perkara itu apabila dihubungi beberapa individu di Facebook yang mahu mendapatkan pengesahan mengenai skim pelaburan dengan nama Public Islamic Investment awal Julai lalu.

"Selepas menerima maklumat itu, saya ada membuat hantaran di Facebook menafikan perkara berkenaan, namun ada lagi poster dengan nama skim pelaburan baharu iaitu Azzad Is-

lamic/Azzad Islamic Investment yang menggunakan gambar saya.

"Malah, perkara ini berlarutan sehingga awal bulan ini dengan nama skim baharu iaitu 'Pelaburan Patuh Syariah' yang turut menampilkan gambar Ustaz Kazim Elias di dalam poster berkenaan," katanya.

Dia yang juga seorang peguam berkata, ada di antara poster meletakkan logo pel-

bagai agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Bursa Malaysia.

"Malah, nama penuh saya juga direka dengan diletakkan gelaran Datuk Seri padahal saya tidak pernah dikurniakan darjah kebesaran itu apatah menggunakannya secara terbuka di semua platform media sosial mahupun di luar," katanya.